

Lelaki dipenjarakan 40 bulan gara-gara ceroboh rumah niat mencuri

KUCHING: Padah memecah masuk sebuah rumah di Jalan Dagok di sini dengan niat untuk mencuri, seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara 40 bulan oleh Mahkamah Majistret semalam.

Hukuman itu dijatuhkan oleh Majistret Ling Hui Chuan terhadap Mohd Nurazan Mohamad Marwan, 34, yang mengaku bersalah mengikut Seksyen 457 Kanun Keseksaan.

Dia didakwa melakukan kesalahan terbabit pada 6 Februari 2026, sekitar jam

7.50 malam.

Fakta kes mendedahkan pemilik rumah iaitu pengadu lelaki yang tiba di rumah menyedari kerusi di luar dialihkan ke tingkap hadapan.

Pada masa yang sama, pengadu juga melihat seorang lelaki yang tidak dikenali (tertuduh) keluar dari tingkap lalu terjun ke luar pagar rumah.

Sehubungan itu, pengadu mengejar tertuduh dan berjaya menahannya.

Pengadu seterusnya men-

ghubungi pihak polis untuk tindakan selanjutnya.

Hasil siasatan mendapati tertuduh telah melakukan pecah rumah dengan memasuki bangunan milik pengadu tanpa tujuan yang sah.

Siasatan polis turut mendedahkan ujian saringan awal air kencing tertuduh adalah positif Amphetamine dan Methamphetamine.

Tertuduh tidak diwakili peguam. Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Fauzulutfi Suriani.